

## Keperluan Deklarasi Hibah dan Kekangannya dalam Perancangan Harta Orang Islam

*The Need for Hibah Declarations and its Constraints in Property Planning of Muslims*

ROSMIZA ISMAIL, Universiti Kebangsaan Malaysia  
SALMY EDAWATI YAACOB, Universiti Kebangsaan Malaysia  
MOHD ZAMRO MUDA, Universiti Kebangsaan Malaysia

Received: October 14, 2020 Accepted: November 9, 2020 Online Published: December 15, 2020

URL: <http://www.ukm.my/jcil>

### ABSTRAK

*Kesedaran masyarakat Islam merancang melalui instrumen hibah semasa hidup semakin memberangsangkan. Hal ini dapat dibuktikan melalui peningkatan kes berkaitan hibah di Mahkamah Syariah. Hibah juga dihujahkan menjadi instrumen berkesan dalam menangani masalah berkaitan harta pusaka termasuklah peningkatan harta beku. Namun, terdapat beberapa kelemahan dalam deklarasi hibah yang boleh menjejaskan hak-hak pihak yang berkaitan. Kajian ini bertujuan menganalisis kelemahan serta kekangan dalam deklarasi hibah melalui dokumen yang dilaksanakan. Kaedah pengumpulan data dan analisis dokumen digunakan untuk kajian ini termasuk data primer dan sekunder seperti kitab-kitab, artikel-artikel lepas berkaitan dokumen hibah, jurnal hukum dan data dari syarikat amanah. Hasil kajian mendapati terdapat beberapa kelemahan dalam deklarasi hibah yang perlu di atasi dari semasa ke semasa. Penggubalan undang-undang hibah pada masa akan datang perlu mengambil kira peruntukan syarak dan undang-undang tempatan bagi mengelakkan sebarang konflik dan pertikaian.*

*Kata kunci: hibah, deklarasi, kelemahan, perancangan, undang-undang.*

*The awareness of the Muslim community plans through hibah instruments while living is increasingly encouraging. This can be proved by the increase in cases related to hibah in the Syariah Court. Hibah is also argued to be an effective instrument in dealing with estate related problems including increased frozen property. However, there are some weaknesses in the hibah declaration that could affect the rights of the relevant parties. This study aims to analyze weaknesses and constraints in the declaration of hibah through documents implemented. Data collection and document analysis methods used for this study include primary and secondary data such as books, articles related to hibah documents, journals on law and data from Trust Companies. The finding of this study indicates that there are some weaknesses in the declaration of hibah which need to be addressed from time to time. The enactment of hibah laws in future should take into account the provision of Islamic and local laws in order to avoid any conflicts and disputes.*

*Keywords: hibah; declaration; weaknesses; planning; law*

### PENDAHULUAN

Kesedaran orang ramai untuk membuat perancangan harta mereka pada hari ini amat memberangsangkan. Ini merupakan suatu fenomena baru yang amat menarik dalam kebangkitan umat Islam dalam hubungan fiqh muamalat. Pelbagai platform yang boleh digunakan oleh orang ramai untuk memastikan harta mereka dapat dimanfaatkan selepas kematian mereka nanti. Di antaranya adalah melalui deklarasi hibah, di mana mereka boleh menghibahkan harta mereka kepada orang yang dikehendaki tanpa perlu kepada mematuhi had yang ditentukan oleh bahagian faraid, tanpa perlu kepada persetujuan ahli waris dan hak pemilikan boleh beralih tangan ketika mereka masih hidup.

Dalam kehairahan mereka untuk membuat deklarasi hibah, mereka perlu ingat kepada kehilangan hak pemilikan secara sertamerta ketika perjanjian tersebut cukup rukun dan syaratnya. Kehilangan hak pemilikan terhadap harta tersebut boleh menyebabkan isu-isu yang timbul selepas itu seperti anak tidak menjaga kebajikan ibubapa, ibubapa merayu kepada anak untuk menyara kehidupan mereka semasa tua, tuntutan waris lain terhadap harta yang dihibahkan serta kos penyelenggaraan proses dokumen selepas hibah terjadi.

Mengikut kajian Nurul Syuhadah (2018) terdapat peningkatan dokumentasi hibah dari tahun ke tahun yang dibicarakan di Mahkamah Syariah yang melibatkan pelbagai isu dan pertikaian. Perkembangan ini secara tidak langsung menunjukkan hibah semakin mendapat perhatian masyarakat pada hari ini dan ia

menunjukkan kesedaran yang tinggi umat Islam terhadap keperluan merancang harta mereka semasa hidup. Penulis berpendapat situasi ini timbul hasil daripada kajian-kajian lepas yang membuktikan hibah adalah instrumen sesuai yang membantu untuk mengurangkan lagi masalah harta beku orang Islam yang sedia ada yang dianggarkan bernilai RM70 billion.

## OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis kelemahan serta kekangan dalam deklarasi hibah melalui dokumen hibah yang dilaksanakan dalam institusi perancangan harta orang Islam hari ini.

## METHODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah rekabentuk kajian kualitatif dengan memfokuskan kajian mengenai keperluan deklarasi hibah dalam perancangan harta. Kaedah pengumpulan data dan analisis dokumen digunakan untuk kajian ini termasuk data primer dan sekunder seperti kitab-kitab, artikel-artikel lepas berkaitan kelebihan dokumen hibah, jurnal hukum dan data dari syarikat amanah.

## KONSEP HIBAH

Menurut Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat, hibah bermaksud pemberian hak(harta) secara sukarela kepada orang lain dengan tujuan baik; menghibahkan memberikan (pada masa si pemberi masih hidup).

Hibah pada istilah syarak pula ialah suatu akad yang mengandungi pemberian milik oleh seseorang secara sukarela terhadap hartanya kepada seseorang yang lain pada masa hidupnya tanpa balasan (i'wad). Secara lebih khusus lagi, hibah ialah suatu akad pemberian milik ain harta daripada satu pihak kepada pihak yang lain tanpa balasan (i'wad) semasa hidup secara sukarela, bukan mengharap pahala di akhirat dan memuliakan seseorang, dengan menggunakan lafaz ijab dan qabul atau seumpamanya (Zamro, 2008).

Firman Allah s.w.t yang bermaksud

وَأَتُوا النِّسَاءَ صَدُقَاتِهِنَّ نِحْلَةً فَإِنْ طِبْنَ لَكُمْ عَنْ سَىءٍ مِّنْهُ نَفْسًا فَكُلُوهُ  
هَنِيئًا مَّرِيئًا

Berikanlah maskahwin (mahar) kepada wanita (yang kamu nikahi) sebagai pemberian dengan penuh kerelaan. Kemudian jika mereka menyerahkan kepada kamu sebahagian dari maskahwin itu dengan senang hati, maka makanlah (ambillah) pemberian itu (sebagai makanan) yang sedap lagi baik akibatnya. (Surah An-Nisa' : 4)

## HIBAH DI MALAYSIA

Di Malaysia hibah adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Negeri berdasarkan Perkara 74(2)

Perlembagaan Persekutuan yang dibaca bersama dengan butiran 1, Senarai 11, Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan iaitu seperti yang berikut:

- i) Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan:  
“ Hal Perkara undang-undang persekutuan dan Negeri 74.(1)...
- (2) Tanpa menjejaskan apa-apa kuasa untuk membuat undang-undang yang diberikan kepadanya oleh mana-mana perkara lain,

Berdasarkan peruntukkan di atas, perkara berkaitan “alang” adalah termasuk di bawah kuasa Negeri. Sehubungan dengan itu, Negeri mempunyai kuasa untuk menggubal undang-undang berhubung dengannya. Kuasa Negeri berhubung dengan perkara tersebut juga diiktiraf oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes Laifah bt Mat Zain lwn Rosmawati bt Sharudin & Satu Lagi (2007) 5MLJ 101.

## KEPERLUAN DEKLARASI HIBAH

Pada hari ini, kesedaran masyarakat untuk merancang harta semasa hidup khususnya melalui instrumen hibah dilihat amat memberangsangkan dan ia semakin hangat dibicarakan oleh segenap lapisan masyarakat. Ini dibuktikan dengan adanya pelbagai institusi kerajaan mahupun swasta yang menawarkan perkhidmatan hibah seperti Majlis Agama Negeri, pihak-pihak persendirian dan pihak bank (Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro Muda).

Peredaran zaman dan keperluan undang-undang semasa memberi perubahan dan impak yang besar kepada industri perancangan dan pengurusan harta di mana pada zaman 80-an, hibah hanya dilaksanakan melalui lafaz sahaja tanpa ada dokumen sokongan (Amirul Adli & Noor Lizza Mohamed Said 2018). Namun, pada hari ini kebanyakan hibah yang dibuat adalah melalui dokumen deklarasi hibah atau apa-apa dokumen yang boleh membuktikan pemberian hibah.

Kepentingan dokumen hibah ini bukan sahaja untuk merekodkan hibah di antara pemberi dan penerima hibah, bahkan ia boleh menjadi bukti sekiranya timbul sebarang pertikaian di Mahkamah Syariah pada masa akan datang. Dengan adanya dokumen hibah atau lebih dikenali sebagai deklarasi hibah ini, ia boleh mempercepatkan proses pengesahan hibah di institusi kehakiman.

Ketiadaan dokumen hibah boleh membatalkan hibah yang telah dibuat. Ini kerana apabila berlaku sebarang pertikaian para hakim akan merujuk kepada apa-apa bukti yang ada untuk mengesahkan pemberian hibah dan dalam sesetengah keadaan ia boleh menafikan hak penerima hibah yang sepatutnya diserahkan kepada penerima hibah. Namun, hanya kerana hibah tidak dapat dibuktikan melalui dokumen bertulis atau apa-apa bukti yang lain hakim terpaksa membatalkan hibah yang didakwa telah berlaku. Hal ini boleh dilihat dalam kes yang telah dibuktikan di Mahkamah Syariah seperti kes *Saharain bin Nordin v Noraidah binti Nordin* [2008] JH 26 (1). Oleh yang demikian, kedudukan dokumen deklarasi hibah bukan

hanya dokumen simpanan semata-mata bahkan ia boleh dijadikan bukti yang kuat di Mahkamah Syariah kelak.

Dalam konteks semasa, pelbagai institusi menyediakan perkhidmatan hibah kepada masyarakat sama ada institusi kerajaan mahupun swasta. Perkhidmatan hibah yang disediakan pada hari ini lebih terjamin jika dibandingkan pada zaman awal 90-an apabila apabila perkhidmatan hibah disediakan melalui dokumen hibah. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, dokumen ini memainkan peranan penting dalam menentukan kesahihan hibah pada masa akan datang. Dalam dokumen tersebut, dinyatakan segala rukun dan syarat hibah, persetujuan dan penerimaan oleh kedua-dua pemberi dan penerima hibah yang mana secara tidak langsung memudahkan proses pengesahan hibah di Mahkamah Syariah kelak.

Selain itu, dalam perundangan Islam, hibah terbahagi kepada dua jenis, iaitu hibah mutlak dan hibah bersyarat atau dengan syarat. Hibah mutlak adalah hibah yang dibuat tanpa diikat dengan apa-apa syarat atau balasan manakala hibah bersyarat terbahagi kepada tiga bahagian iaitu hibah dengan syarat balasan atau gantian, hibah bersyarat 'umra dan hibah bersyarat qubra. Antara situasi hibah yang disertakan dengan syarat yang dibahaskan dalam fiqh ialah hibah dengan mensyaratkan penerima hibah melakukan atau tidak melakukan sesuatu tindakan, hibah dengan mensyaratkan penerima hibah tidak bertasarruf dengan mawhub, hibah dengan mensyaratkan penerima hibah menunaikan hutang penghibah, hibah yang disyaratkan untuk berkuatkuasa selepas kematian penghibah dan juga disyaratkan oleh penghibah bahawa dia masih mempunyai hak manfaat ke atas harta tersebut.

Para fuqaha berselisih pendapat mengenai peletakan syarat dalam hibah namun, menurut Noor Lizza et.al (2012) meletakkan syarat yang tidak menafikan isi kandungan dan tujuan asal hibah adalah dibolehkan menurut sebahagian fuqaha. Sebagaimana yang disebutkan oleh al-Sharbini t.th., al-Bahuti 1982, jika sekiranya pemberi hibah meletakkan syarat bahawa penerima hibah tidak boleh berkahwin sepanjang hidupnya atau penerima hibah mestilah melakukan zina maka syarat tersebut adalah tidak terpakai (lagha) tetapi akad hibah tetap sah. Ini bermakna pemberi hibah mestilah menyerahkan harta yang dihibahkan dan penerima hibah tidak terikat kepada syarat-syarat tersebut. Hal ini kerana hibah merupakan akad sumbangan yang tidak terjejas dengan syarat yang merosakkan akad (fasid).

Perkara 557 (2) Undang-undang Sivil Jordan membenarkan peletakan syarat di dalam hibah selama ia tidak bercanggah dengan isi kandungan dan tujuan asal hibah dibuat (Noor Lizza et.al. 2012). Walau bagaimanapun, undang-undang sivil Mesir Perkara 495 (2) dan undang-undang Sivil Syria Perkara 463 (2) tidak membenarkan peletakan syarat dalam hibah secara mutlak. Kedua-dua subseksyen ini memperuntukkan bahawa sekiranya pemberi hibah meletakkan syarat balasan seperti penerima hibah

hendaklah memberi nilai balasan kepada pemberi hibah, nilai tersebut mestilah kurang daripada nilai harta yang dihibahkan. Jika dilihat kepada peruntukkan ini, meletakkan syarat dalam hibah bukanlah sesuatu yang dihalang secara mutlak, namun ia mestilah tidak menafikan kandungan dan tujuan asal hibah.

Pendapat yang membenarkan peletakan syarat dalam hibah sesuai untuk diguna pakai dalam konteks semasa terutama untuk menjaga maslahat pemberi hibah. Pemberi hibah boleh meletakkan syarat balasan untuk menjaganya selagi pemberi hibah masih hidup. Hal ini kerana terdapat kes di mana penerima hibah mengabaikan tanggungjawab terhadap pemberi hibah seperti bapa dan ibu apabila mendapat harta hibah. Situasi ini menimbulkan kebimbangan kepada masyarakat untuk memberi hibah. Bagi mengelakkan keadaan tersebut penulis berpendapat adalah sesuai untuk digunakan pendapat yang mengharuskan syarat balasan dalam hibah dan ini juga menepati konsep maqasid syariah (al-Suyuti 2003):

دفع المفاسد اولى من جلب المصالح

Mengelakkan kerosakkan adalah lebih utama daripada memperoleh kebaikan.

Dalam kes ini penulis berpendapat mengelakkan ibubapa daripada terabai adalah lebih baik daripada mengutamakan hibah secara mutlak. Di samping itu, sekiranya hibah bersyarat tidak dibenarkan ian akan menimbulkan kesulitan kepada masyarakat terutama apabila perubahan adat dan uruf yang mendesak.

Di samping itu, pemberian hibah bersyarat tidak terkesan dengan peruntukkan undang-undang yang sedia ada. Meskipun secara syarak hibah telah dianggap sempurna namun pemilik harta atau pemberi hibah masih menjadi pemilik sah (legal owner) kerana tiada berlaku proses pemindahan harta kepada benefisiari semasa hidup pemilik harta. Oleh itu, dalam tempoh berkenaan pemberi hibah boleh menarik balik hibah yang dibuat sekiranya ia melihat keperluan kepada tindakan tersebut. Walau bagaimanapun, penarikan balik hibah hanya dibenarkan hibah ibubapa kepada anak-anak atau cucu sahaja.

Terdapat pelbagai kelebihan deklarasi hibah yang akan diterangkan dalam penulisan ini. Di antaranya seperti aset yang menjadi mawhub (harta hibah) tidak dianggap sebagai harta pusaka pemberi hibah. Ini kerana ia memberi kesan serta merta mengikut terma dan syarat yang terdapat dalam deklarasi hibah semasa hayat pemberi hibah. Rentetan daripada itu harta tidak akan termasuk dalam harta pusaka pemberi sekiranya pemberi hibah meninggal dunia. Keadaan ini secara tidak langsung dapat mengelakkan kemungkinan harta menjadi beku akibat daripada kelemahan sistem pentadbiran dan kos pengurusan yang tinggi.

Di samping itu melalui deklarasi hibah juga pemilik harta (pemberi Hibah) masih mempunyai kuasa untuk membatalkan atau menarik balik harta hibah yang telah diberikan kepada anak atau cucunya. Sekalipun begitu pemberi hibah tidak boleh menarik

harta yang telah diberikan kepada orang lain meskipun kepada isterinya.

#### KEKANGAN DOKUMEN HIBAH

Tidak dinafikan instrumen hibah telah mula hangat dibicarakan dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Bahkan kajian oleh Adilah Mohd Sa'afie dan Mohd Zamro (2018) menunjukkan terdapat peningkatan kes berkaitan hibah telah dibicarakan di Mahkamah Syariah. Ini menunjukkan masyarakat telah mula peka terhadap perancangan dan pengurusan harta melalui hibah. Walaupun demikian terdapat beberapa isu dan kekangan dalam melaksanakan deklarasi hibah yang perlu di fikirkan oleh orang ramai sebelum mereka memilih saluran tersebut untuk merancang harta mereka. Isu-isu tersebut ada yang berkait dengan hukum dan situasi realiti semasa masyarakat yang jika tidak dibuat dengan kaedah yang betul boleh membatalkan hibah dan lebih teruk ia boleh menafikan hak penerima hibah.

Di antara isu yang berkaitan dengan hukum adalah di mana berlakunya penarikan atau pembatalan hibah setelah hibah tersebut telah sempurna dari segi rukun dan syaratnya. Sebagaimana yang telah diketahui bahawa tiga situasi yang membolehkan hibah boleh ditarik balik atau dibatalkan seperti hibah seorang bapa kepada anaknya atau seorang datuk kepada cucunya, wujudnya keredhaan antara pemberi hibah dan penerima hibah untuk membatalkan hibah tersebut atau melalui keputusan hakim di mahkamah (Mohd Zamro & Noor Lizza 2015).

Namun, para fuqaha telah menggariskan beberapa syarat yang perlu dipatuhi bagi membolehkan harta hibah ditarik balik seperti harta tidak berpindah milik, tidak berubah sifat yang mengurangkan nilai harta tersebut dan hendaklah dibuat dengan persetujuan penerima hibah sekiranya hibah selain daripada ayah kepada anak. Ini bermakna sekiranya penerima hibah telah menjual harta hibah atau melakukan perubahan kepada harta hibah, maka hibah tidak dapat dibatalkan atau ditarik balik sama sekali (Mustafa al-Khin et al. 2003).

Dalam konteks semasa, isu penarikan balik dapat dilihat secara ketara apabila melibatkan harta hibah berbentuk hartanah. Penarikan balik hartanah yang telah dibuat hendaklah dilakukan melalui Borang 14A serta terdapat beberapa sekatan yang perlu dilihat berdasarkan peruntukan di dalam Kanun Tanah Negara 1965. Keadaan ini menimbulkan konflik di antara perundangan syariah dan undang-undang sivil. Justeru, masyarakat perlulah peka terhadap isu penarikan balik sebelum melaksanakan akad hibah.

Walaupun bagaimanapun, kebanyakan syarikat amanah yang menyediakan perkhidmatan deklarasi hibah, mengatasi isu ini dengan memasukkan syarat-syarat tertentu di dalam dokumen bagi menjaga kemaslahatan pemberi dan penerima hibah. Namun, isu yang timbul adalah sejauh manakah syarak membenarkan syarat dimasukkan di dalam akad hibah

dan adakah syarat tersebut mengikat kedua-dua pihak?

Isu kedua adalah berkaitan hibah yang dilakukan ketika saat sakit yang menyebabkan kematian atau mard al-maut. Kita perlu melihat syarat-syarat mard al-maut seperti penyakit yang benar-benar boleh menyebabkan kematian, penyakit yang boleh menimbulkan kecemasan kematian dalam fikiran pesakit dan terdapat gejala yang menunjukkan bahawa penyakit adalah kronik dan kritikal.

Di dalam Majallah al-Ahkam Adliyyah perkara 1595 mendefinisikan mard al-maut sebagai sakit yang kebiasaannya membawa kepada kematian, di mana penyakit tersebut menghalang seorang lelaki daripada menjaga kemaslahatan di luar rumah dan menghalang kemaslahatan di dalam rumah jika dia seorang wanita.

Di samping itu, ciri-ciri khusus mard al-maut juga perlu diteliti contohnya, tempoh penyakit itu sepanjang setahun. Sekiranya berlalu tempoh tersebut maka tidak termasuk dalam kategori tersebut. Begitu juga jenis penyakit yang kebiasaannya boleh menyebabkan kematian seperti kanser, AIDS dan H1N1. Ciri penyakit yang seterusnya adalah penyakit yang menjadikan seseorang tidak peduli kepada duniawi lagi. Contoh bagi lelaki yang tidak peduli kepada kerja-kerja rutinnya dan bagi wanita yang tidak peduli kepada kerja-kerja rumah yang menjadi kerja rutin mereka.

Isu hibah mard al-maut ini juga boleh memberi kesan terhadap hukum hibah atau wasiat. Kesan pemberian hibah dalam situasi ini mempunyai implementasi yang berbeza, bergantung kepada keadaan pemberi hibah selepas melakukan hibah tersebut. Sekiranya pemberi hibah meninggal dunia sejurus lafaz hibah dilaksanakan maka harta tersebut dikategorikan sebagai wasiat. Maka ia akan bergantung kepada undang-undang wasiat, di mana harta pemberian tidak melebihi 1/3 daripada harta peninggalan serta tidak melibatkan pemberian kepada ahli waris kecuali mendapat persetujuan daripada ahli waris. Sekiranya pemberi hibah masih hidup selepas melafazkan akad hibah, maka hibah tersebut adalah sah dan perlu terikat kepada undang-undang hibah.

Dalam kes *Mahdi bin Ab. Hamid lwn Iqwan bin Yahaya* yang dibicarakan di Mahkamah Tinggi Syariah Selangor, mahkamah memutuskan sah hibah yang dibuat oleh si mati semasa beliau di dalam keadaan strok dan ditahan di dalam wad. Alasan penghakiman dalam kes ini adalah meskipun si mati ditahan di dalam wad, namun beliau masih waras akal fikiran dan sedar dengan tindakan beliau semasa hibah dibuat. Berdasarkan kes ini, mard al-maut juga perlu dilihat dari sudut kewarasan akal fikiran pemberi hibah, sebagaimana yang disebutkan oleh Siti Mashitoh Mahamood (2017).

Begitu juga isu kadar atau had hibah yang dibenarkan, secara prinsipnya tidak ada had tertentu sebagaimana wasiat iaitu hanya tertakluk kepada 1/3 harta sahaja. Pemberi hibah tidak dihalang untuk memberikan harta miliknya samada sebahagian atau keseluruhannya kepada mereka yang dikehendaki.

Dari satu sudut instrumen hibah ini memberi kelebihan bagi mereka yang hanya mempunyai anak perempuan sahaja. Mereka boleh merancang semasa hidup kaedah pembahagian yang lebih fleksible apabila mereka melihat keperluan berkenaan lebih-lebih lagi waris berkenaan yang akan menjaga mereka semasa usia tua.

Namun, Rasulullah menyarankan agar hibah diberikan sama rata antara anak-anak berdasarkan hadis yang diriwayatkan dari al-Nu'man bin Bashir r.a. berkata yang bermaksud:

“Aku telah diberikan oleh bapaku suatu pemberian dan Umrah binti Rawahah berkata: “Aku tidak akan merestuinnya kecuali engkau membuat pengakuan di hadapan Rasulullah s.a.w.”. Lalu bapaku pergi bertemu Rasulullah s.a.w. dan berkata: “Aku telah beriklan sesuatu kepada anak lelakiku yang juga anak Umrah binti Rawahah tetapi ibunya meminta aku membuat pengakuan dihadapanmu wahai Rasulullah”. Baginda bersabda: “Adakah engkau berikan barang yang sama kepada semua anakmu?” Bapaku menjawab: “Tidak”. Rasulullah s.a.w. bersabda: “Takuti Allah dan bersikap adil dengan semua anak2mu”. Lalu dia pun balik dan mengambil semula pemberian itu. (al-<sup>ḥ</sup>Asqalani. Fath al-Bāri bi Sharḥ Sahih al-Bukhāri. Kitab al-Hibah. Bab al-Hibah lil al-walad. Hadith No: 2587)

Seterusnya kekangan yang terdapat pada deklarasi hibah ialah harta hibah disyaratkan milik sempurna pemberi hibah. Milik sempurna bermaksud seseorang memiliki ain dan manfaat harta pada suatu masa (al-Zuhayli 2012). Sebaliknya jika seorang hanya memiliki manfaat harta sahaja seperti seorang penyewa atau peminjam, ia tidak diistilahkan mempunyai pemilikan sempurna terhadap harta. Dalam konteks perbincangan makalah ini, isu yang timbul adalah harta yang dibeli menerusi pinjaman. Menjadi amalan kebiasaan pihak institusi kewangan menjadikan harta yang dibeli melalui pinjaman sebagai gadaian untuk memastikan hutang dibayar sepenuhnya sehingga tempoh yang dipersetujui.

Sepanjang tempoh berkenaan, pembeli tidak dibenarkan melakukan sebarang transaksi yang boleh menggugat kedudukan harta sebagai aset jaminan gadaian. Dengan kata lain, pemilikan pembeli bukanlah termasuk dalam pemilikan sempurna yang mana menjadi salah satu syarat utama dalam harta hibah. Ini menjadikan harta yang masih dalam cagaran atau pinjaman tidak boleh dihibahkan sekiranya tidak dilindungi oleh polisi takaful seperti MRTT atau MRTA. Realiti yang berlaku dalam masyarakat di Malaysia pada hari ini adalah sebahagian besar mereka membeli aset tidak alih seperti hartanah dan rumah melalui pembiayaan pinjaman daripada bank atau institusi kewangan yang memakan masa sehingga 20 ke 30 tahun tempoh bayaran balik.

Oleh kerana itu, kebanyakan syarikat amanah tidak menyediakan perkhidmatan hibah harta bercagar. Hal ini disebabkan adanya beberapa faktor undang-undang dan syarak sendiri. Menurut Nasrul Hisyam (2011), secara prinsipnya pembeli tidak boleh menghibahkan harta yang dibeli melalui pembiayaan

bank selagi pembayaran balik pembiayaan belum selesai. Setelah bayaran pembiayaan selesai maka pemberi hibah boleh menghibahkan harta tersebut kepada mereka yang dikehendaki dan boleh melakukan pemindahan hak milik. Pemindahan hak milik harta hibah kepada penerima hibah adalah berpandukan kepada prosedur perundangan yang ditentukan.

Sekiranya pembeli tidak mampu untuk melunaskan pembayaran tersebut, tetapi masih ingin menghibahkan harta tersebut maka bakal penerima hibah mesti memohon pinjaman yang baru dengan mengambil kira nilai harga yang baru atau lebih dikenali dengan istilah ‘sambung bayar’ dalam kalangan masyarakat pada hari ini. Jika dilihat dari satu sudut langkah ini boleh menjadi penyelesaian kepada permasalahan hibah harta yang masih bercagar namun, jika diteliti transaksi yang berlaku dalam situasi tersebut adalah transaksi jual beli kerana penerima hibah perlu mengeluarkan sejumlah wang bagi membolehkan ia memiliki harta.

Berdasarkan kaedah fiqh:

العبرة في العقود للمقاصد والمعاني لا للألفاظ والمباني

Apa yang diambil kira dalam akad adalah tujuan dan maksud bukan dilihat kepada lafaz

Dalam konteks ini, meskipun pada awalnya pemberi hibah menggunakan lafaz hibah namun, isi kandungan dalam akad terjadinya pemindahan pemilikan dengan pertukaran.

Walau bagaimanapun, pada hari ini terdapat juga syarikat amanah atau trustee yang membenarkan hibah harta cagaran dilaksanakan dengan alasan yang tertentu. Jika dilihat amalan semasa pihak institusi kewangan, mereka masih belum mengamalkan polisi yang membenarkan pelanggan membuat transaksi pindah milik termasuk hibah bagi harta yang dicagar. Oleh itu, penulis mencadangkan kajian dibuat terhadap bentuk hibah yang dilaksanakan oleh pihak berkenaan kerana jika isu ini boleh diselesaikan ia bukan sahaja membantu umat Islam merancang harta dengan lebih baik, malah sebahagian besar masalah pusaka dapat diselesaikan.

Dari sudut syarak, harta yang dicagar tidak dibenarkan dihibah kerana ia merupakan aset jaminan pulangan wang pinjaman penerima cagaran (al-Hisny 2013). Berdasarkan pendapat mazhab Shafie harta cagaran tidak boleh dihibahkan melainkan dengan kebenaran pemegang cagaran. Sekiranya pemegang cagaran membenarkan harta cagaran dihibah, fuqaha shafie berpendapat hibah adalah sah namun akad cagaran terbatal (al-Sharbini 1976). Di samping itu sekiranya ia dihibah kepentingan tersebut akan tergugat sekali gus menafikan hak penerima cagaran. Walau bagaimanapun, sebahagian fuqaha seperti mazhab Hanafi dan Maliki, harta cagaran boleh dihibah dengan syarat mendapat kebenaran daripada penerima cagaran.

Mengguna pakai pendapat berkenaan adalah sesuai dipraktikkan di Malaysia kerana realiti uruf masyarakat pada hari ini khususnya orang Islam membeli hartanah dengan cara hutang atau

pembiayaan daripada institusi kewangan. Sekiranya, ketetapan yang rigid dengan satu pandangan sahaja diamalkan ia akan membawa kesulitan kepada orang ramai untuk merancang harta mereka bahkan lebih teruk ia turut menyumbang kepada kerugian terhadap ekonomi umat Islam. Kesulitan ini hendaklah dihindarkan berdasarkan kepada kaedah fiqhiiyah yang menyebut “Sesuatu kesulitan dapat membawa kemudahan”.

Ini dapat dikuatkan dengan kes *Raihanah Bt Mohd Ali lwn Kamaruddin bin Mohd Nor & lain-lain*, di mana mahkamah menolak permohonan plaintif untuk mengesahkan hibah adik plaintif (si mati) kepadanya dengan alasan tiada bukti si mati meminta kebenaran daripada pihak bank (BBA) yang membiayai hartanah tersebut. Mafhum mukholafah yang dapat diambil daripada penghakiman dalam kes ini adalah sekiranya hibah yang dibuat mendapat kebenaran atau persetujuan daripada pihak bank, nescaya hibah tersebut adalah sah. Justeru, hibah harta bercagar sudah mula diterima di institusi kehakiman Islam di Malaysia.

#### KESIMPULAN

Hibah telah menjadi instrumen pengurusan harta semasa hidup dan ia semakin mendapat perhatian masyarakat pada hari ini. Kelebihan seperti tidak terikat dengan jumlah, individu tertentu dan selainnya menjadi ia lebih fleksible berbanding instrumen lain seperti wasiat dan wakaf. Walau bagaimanapun, kelemahan-kelemahan yang berkaitan isu yang dibincangkan syarak seperti hibah ketika mard al-maut, isu penarikan balik hibah dan beberapa isu berkaitan undang-undang tempatan perlu diberi perhatian. Beberapa kes berkaitan hibah harta bercagar yang telah dibicarakan di Mahkamah Syariah juga membuktikan bentuk hibah berkenaan telah mula diterima di institusi kehakiman syariah. Penggubalan undang-undang hibah pada masa akan datang oleh pihak berautoriti bukan sahaja perlu dilihat mengikut syarak bahkan penggunaan pendapat yang sesuai haruslah diperincikan sekiranya ia diperlukan bagi menjaga kemaslahatan masyarakat semasa.

#### RUJUKAN

Al-Quran al-Karim.  
Adilah Mohd Sa'afie & Mohd Zamro Muda. 2018. Garis panduan dalam penyediaan borang hibah di Mahkamah

Rosmiza Ismail,  
*rosmiza.ipba@gmail.com*  
Pusat Kajian Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
MALAYSIA

Salmy Edawati Yaacob,

- Tinggi Syariah. *Journal of Contemporary Islamic Law*, vol. 3(1) (2018).
- Amirul Adli & Noor Lizza Mohamed Said. 2018. Keperluan saksi dalam permohonan pengesahan kes hibah di Mahkamah Syairah. *Journal of Contemporary Islamic Law*, vol. 3(2): 20-27
- Al-Hisny, Taqiy al-Din Abu Bakr bin Muhammad al-Husainy. 2013. *Kifayah al-Akhyar fi hall Ghayah al-Ikhtisar*. Dimashq: Dar al-Faiha'.
- Ibnu 'Abidin, Muhammad Amin bin 'Umar bin 'Abdul al-'Aziz. 1992. *Al-Dur al-Mukhtar wa Hasyiah Ibn 'Abidin*. Jil 6. (Beirut: Dar al-Fikr) p 509-510.
- Mohd Zamro Muda & Noor Lizza bt Mohamed Said. 2015. *Signifikan Hibah Sebagai Instrumen Perancangan Harta Orang Islam di Malaysia*. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Mohd Zamro Muda et al. 2008. *Pengantar undang-undang dan pentadbiran pusaka, wasiat dan wakaf orang Islam di Malaysia*. Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- Mustafa al-Khin, Mustafa al-Bugha & Ali al-Sharbaji. 2003. *al-Fiqh al-manhaji ala madhab al-Imam al-Syafii*. Cet ke-5. Damshiq: Dar al-Qalam
- Nasrul Hisyam Nor Muhamad. 2011. Penyelesaian pindah milik harta bercagar di institusi kewangan: dari perspektif undang-undang Islam. *Kanun 23(2): 180-193*. Disember.
- Nasrul Hisyam Nor Muhammad & Rusnadewi Abdul Rashid. 2013. Pengurusan harta melalui hibah: kepentingan dan manfaat dari pelbagai aspek untuk kemajuan ummah. *Jurnal Hadhari 5(1): 92-100*.
- Noor Lizza Mohamed Said, Mohd Ridzuan Awang, & Amir Husin Mohd Nor. 2012. Hibah dengan syarat balasan menurut pandangan fuqaha dan kedudukannya dalam undang-undang sivil Jordan. *Jurnal Syariah*. Jil. 20 bil. 3. (309-328).
- Nurul Syuhadah binti Azalan. 2018. Penghakiman Hakim Syarie dalam kes hibah di Mahkamah Syariah. Disertasi Sarjana, Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rusnadewi Abdul Rashid & Nor Hisyam Ahmad. 2013. Pengurusan harta melalui hibah: kepentingan dan manfaat dari pelbagai aspek untuk kemajuan ummah. *Jurnal Hadhari 5(1): 92-100*.
- al-Suyufi, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman. 2003. *al-'Ashbah wa al-Nazair fi Qawaid Furū' al-Shāfi'iyyah*. Kaherah: Dār al-Salām.
- Al-Sharbini, Muhammad bin Muhammad al-Khatib. 1994. *Mughni al-Muhtaj Ila Ma'ani Alfaz al-Minhaj*. Jil 2-3. (Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah).
- Siti Mashitoh Mahamood. 2017. Enakmen wakaf negeri Selangor 2015 (Enakmen 15): suatu ulasan menurut perspektif undang-undang. *Jurnal Kanun 29(2): 177-192*.
- Al-Zuhayli, Wahbah Mustafa. 2012. *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Jil 4. (Damshiq: Dar al-Fikr).

*salmi1001@ukm.edu.my*  
Pusat Kajian Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
MALAYSIA  
:  
Mohd Zamro Muda,  
*zamro@ukm.edu.my*  
Pusat Kajian Syariah,  
Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
MALAYSIA

KANDUNGAN / CONTENTS

<b>Peranan Mediator Faktor Kewangan Terhadap Penentu Pembayaran Sewaan Premis Komersial Wakaf Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang</b> <i>The Role of The Financial Factor as The Mediator on The Determinant of Wakaf Commercial Premise Rental Payment Under Penang State Islamic Council</i> Mohammad Syukri Jalil, Mohd Sabri Abd Ghafar, Azarudin Awang	1-21
<b>Implikasi Marad Al-Mawt ke atas Akad Hibah</b> <i>Implications of Marad Al-Mawt Over Hibah Agreement</i> Noor Lizza Mohamed Said, Adnan Mohamed Yusoff	22-28
<b>Pelaksanaan Kontark Muamalat oleh Golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) Buta dalam Sistem Kewangan Islam</b> <i>The Implementation of Muamalat Contract by Disabled Person in Islamic Financial System</i> Ruzian Markom, Mohamad Anwar Zakaria, Azman Ab Rahman	29-41
<b>Fungsi dan Tanggungjawab Pegawai Syariah dalam Akta Perkhidmatan Kewangan Islam (APKI 2013)</b> <i>Function and Responsibility of Sharia Officer in Islamic Financial Services Act (IFSA 2013)</i> Mat Noor Mat Zain, Najihah Ali, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani	42-52
<b>Kawalan Undang-undang Terhadap Pembinaan Rumah Ibadat di Malaysia</b> <i>Legal Controls Towards Construction of Houses of Worship in Malaysia</i> Nurul Faezah Md Ahair, Zuliza Mohd Kusrin	53-64
<b>Garis Panduan Kontrak Derivatif Berasaskan Syariah</b> <i>Guideline of Derivative Contract Based on Syariah</i> Mohd Hafiz Mohd Dasar, Azlin Alisa Ahmad, Nik Abdul Rahim Nik Abdul Ghani	65-76
<b>Keperluan Deklarasi Hibah dan Kekangannya dalam Perancangan Harta Orang Islam</b> <i>The Need for Hibah Declarations and Its Constraints in Property Planning of Muslims</i> Rosmiza Ismail, Salmy Edawati Yaacob, Mohd Zamro Muda	77-83
<b>Datin Dr. Siti Zalikhah Md Nor: Biografi dan Sumbangan dalam Perkembangan Undang-Undang Islam di Malaysia</b> <i>Datin Dr. Siti Zalikhah Md Nor: Biography and Contributions in The Development of Islamic Law in Malaysia</i> Aniqah Binti Azmi, Zuliza Mohd Kusrin	84-90
<b>دور الإدارة اللامركزية في محاربة الفساد الإداري من منظور إسلامي إدارة القضاء في خلافة عمر بن عبد العزيز نموذجا: دراسة تحليلية</b> <i>The Role of Decentralized Management in Combating Maladministration from Islamic Perspective: An Analytical Study on Judicial Administration of Caliphate 'Umar Ibn Abd al-'Aziz</i> Jalal Alwan Salman, Ahmad Sufian Bin Che Abdullah, Nor 'Azzah Binti Kamri	91-107



Journal of Contemporary Islamic Law

(2020)Vol. 5(2)

**Editor-In-Chief**

Dr. Nik Abd. Rahim Nik Abdul Ghani

**Co-Editor**

Assoc. Prof. Dr. Salmy Edawati Yaacob

**Secretary**

Dr. Nurul Ilyana Muhd Adnan

**Senior Editor**

Prof. Dr. Abdul Basir Mohamad  
Prof. Dr. Mohd Nasran Mohamad  
Assoc. Prof. Dr. Shofian Ahmad  
Assoc. Prof. Dr. Zaini Nasohah  
Assoc. Prof. Dr. Zuliza Mohd Kusrin  
Assoc. Prof. Dr. Mohd Al Adib Samuri

**International Editor**

Dr. Abdel Wadoud Moustafa El Saudi  
Dr. Harun Abdel Rahman Sheikh Abduh  
Dr. Asman Taeali  
Dr. Muhammad Yasir Yusuf  
Dr. Ahmad Nizam  
Dr. T. Meldi Kesuma  
Sarjiyanto  
Shinta Melzatia  
Dr. Hamza Hammad  
Dr. Nazlida Muhamad  
Dr. Madiha Riaz  
Dr. Naveed Ahmad Lone

**Chief Managing Editor**

Dr. Mat Noor Mat Zain

**Arabic Copy Editor**

Anwar Fakhri Omar

**Bahasa Copy Editor**

Dr. Mohd Zamro Muda  
Dr. Md. Yazid Ahmad

**Editor**

Dr. Mohammad Zaini Yahaya  
Dr. Azlin Alisa Ahmad  
Dr. Mohd Hafiz Safiai

**Published by:**

Research Centre for Sharia,  
Faculty of Islamic Studies,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor, Malaysia.

**Suggested citation style:**

Author, (2020), Title, Journal of Contemporary  
Islamic Law, 5(2), pages, <http://www.ukm.my/jcil>

eISSN 0127-788X

**Copyrights:**

This work is licensed under a Creative Commons  
Attribution-Noncommercial-No Derivative Works  
3.0 Unported License  
(<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/3.0/>).  
You can download an electronic version online. You  
are free to copy, distribute and transmit the work  
under the following conditions: Attribution – you  
must attribute the work in the manner specified by  
the author or licensor (but not in any way that  
suggests that they endorse you or your use of the  
work); Noncommercial – you may not use this work  
for commercial purposes; No Derivate Works – you  
may not alter, transform, or build upon this work.